



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM PERKUKUH DASAR MAKANAN NEGARA HADAPI GANGGUAN GLOBAL, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SUBSIDI DIESEL NELAYAN SABAH RM198 JUTA, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	
3.	MASA DEPAN PERTANIAN MALAYSIA TERJAMIN DI BAWAH PANJI MALAYSIA MADANI, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 17	
4.	KEEPING FISH SUPPLY AFLOAT, 10,330 VESSELS GET DIESEL SUBSIDIES AS OF OCTOBER, NATION, THE STAR, M/S – 8	
5.	PROJEK RINTIS PADI LIMA MUSIM PERKUKUH KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
6.	NELAYAN ASING CEROBOK PERAIRAN ANTARA FAKTOR KENAIKAN HARGA IKAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	KPDN AKUI BERLAKU KENAIKAN SEHINGGA 30 PERATUS, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 8	LAIN-LAIN
8.	BEKALAN IKAN CUKUP SEPANJANG MTL, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 10	
9.	HARGA IKAN ALAMI KENAIKAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 11	
10.	HARGA SAYUR MELONJAK: KERAJAAN GAGAL JAMIN KETERJAMINAN MAKANAN, NASIONAL, HARAKAH, M/S – 5	
11.	POLICE PROBING ANIMAL DEATHS AT ABANDONED VETERINARY CLINIC, NATION, NEW STRAITS TIMES, NATION, M/S – 7	
12.	'HARGA IKAN NAIK 30% TIDAK MELUAS', NEGARA, KOSMO, M/S – 16	
13.	TAHAP SARA DIRI BERAS MEROSOT ISYARAT BERBAHAYA, KOMENTAR, BERITA HARIAN, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

KPKM perkukuh dasar makanan negara hadapi gangguan global

KUALA LUMPUR – Kerajaan mempergiat usaha memperkukuh dasar makanan negara bagi memastikan Malaysia mampu berdepan gangguan global termasuk perubahan iklim dan gangguan rantaian bekalan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha itu dilaksanakan menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) serta Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.

"Kita mahu memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, selamat dan mampan walaupun berdepan cabaran global," katanya di Dewan Negara semalam.

Menurut beliau, antara langkah utama ialah pelaksanaan projek rintis penanaman padi lima musim dalam tempoh dua

tahun melibatkan kawasan sehingga 3,000 hektar di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bermula 2024.

"Kita juga memperkasa industri lembu pedaging melalui program pembiakan supaya pengeluaran tempatan dapat ditingkatkan," ujarnya.

Beliau berkata, sektor akuakultur turut diperkukuh dengan penghasilan benih dan induk yang lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

"Pada masa sama, teknologi pertanian moden akan terus digalakkan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran," katanya.

Mohamad menegaskan, langkah bersepadu itu diyakini mampu mengurangkan ketergantungan kepada import serta menjadikan Malaysia pengeluar makanan yang lebih stabil dan mampan.



PEMBEKALAN makanan akan dipastikan sentiasa cukup sejajar dengan perubahan iklim global. – GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	KUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2025	KOSMO	NEGARA	8



SUBSIDI diesel diberikan kepada 1,455 pemilik vesel nelayan di Sabah bagi menampung kos operasi dan pendapatan golongan itu. – GAMBAR HIASAN

Subsidi diesel nelayan Sabah RM198 juta

- **Melibatkan 10 juta liter diesel bersubsidi sebulan**
- **Kerajaan teruskan skim ini selaras pendekatan penyasaran subsidi**

Oleh **RASDAN AHMAD**

KUALA LUMPUR – Kerajaan memperuntukkan kira-kira RM198 juta bagi subsidi minyak diesel kepada nelayan di Sabah sepanjang tahun 2026 bagi memastikan kelangsungan sektor perikanan tangkapan serta keterjaminan bekalan makanan negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, peruntukan itu melibatkan 10 juta liter diesel bersubsidi sebulan yang bakal memberi manfaat kepada

DEWAN NEGARA

1,455 pemilik vesel nelayan di negeri berkenaan.

Menurut beliau, subsidi itu dilaksanakan menerusi Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan yang dikendalikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sejak 2006 bagi menampung sebahagian kos operasi nelayan serta melindungi pendapatan golongan berkenaan.

"Bagi tahun 2026, kerajaan meneruskan skim ini selaras dengan pendekatan penyasaran subsidi bagi memastikan hanya nelayan yang layak menerima bantuan, sekali gus menjamin kebajikan nelayan dan kestabilan bekalan ikan

negara," katanya di Dewan Negara.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Senator Datuk Bobbet Suan yang ingin tahu nilai keseluruhan subsidi minyak diesel yang diperuntukkan kepada nelayan Sabah bagi tahun 2026.

Mohamad menjelaskan, pelaksanaan subsidi adalah berdasarkan kuota penggunaan minyak yang ditetapkan serta tuntutan penggunaan sebenar yang disahkan oleh LKIM.

"Tahun ini, kuota diesel bersubsidi yang diluluskan ialah 70 juta liter sebulan pada kadar RM1.65 seliter, melibatkan 10,330 vesel di seluruh negara dengan jumlah subsidi mencecah RM669 juta sehingga Oktober lalu.

"Jumlah kuota dan kadar subsidi berkenaan akan diteruskan bagi tahun 2026 sebagai langkah kerajaan memastikan sektor perikanan kekal berdaya tahan dalam menghadapi peningkatan kos operasi," katanya.

Masa depan pertanian Malaysia terjamin di bawah Panji Malaysia MADANI

Kuala Lumpur: Di sebalik cabaran global yang semakin kompleks merangkumi perubahan iklim, ketidaktentuan rantaian bekalan dan tekanan kos sara hidup, sektor pertanian kekal sebagai nadi utama keselamatan makanan negara.

Di bawah kepimpinan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, hala tuju pertanian negara kini dibentuk semula dengan pendekatan lebih berteraskan rakyat, realiti lapangan dan kelestarian jangka panjang, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Pendekatan itu, menurut Mohamad, banyak dipengaruhi latar belakang hidupnya sendiri yang berasal daripada keluarga susah.

Justeru, beliau percaya dasar kerajaan mesti memberi manfaat kepada golongan paling memerlukan khususnya petani, pesawah, penternak dan nelayan yang berdepan risiko tinggi dalam mencari rezeki.

"Saya bukan datang daripada latar belakang teknikal pertanian, tetapi saya belajar daripada

petani sendiri. Mereka guru saya. Setiap kali turun padang, saya dengar masalah mereka dan lihat sendiri apa yang berlaku. Dari situ saya faham dasar mesti realistik, bersandarkan data dan realiti lapangan," katanya.

Beliau mengakui, sektor pertanian negara masih berdepan cabaran struktur yang sudah lama berakar seperti pengeluaran tidak stabil, kebergantungan tinggi kepada import, saiz tanah kecil dan terpecah, sistem saliran uzur serta kos input tidak menentu.

Tingkatkan produktiviti

Namun, isu paling kritikal adalah produktiviti. Tanpa peningkatan hasil yang mampan, negara akan terus bergantung kepada import makanan, sekali gus mendedahkan rakyat kepada ketidaktentuan harga.

"Keutamaan kerajaan hari ini ialah membina ekosistem baharu yang mampu meningkatkan pengeluaran secara mampan, efisien dan berdaya saing," katanya.

Sehubungan itu, sepanjang tiga tahun kebelakangan ini Ke-

mentrian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terpaksa membuat beberapa keputusan tidak popular, khususnya berkaitan subsidi.

Mohamad menjelaskan, subsidi yang tidak diurus dengan baik bukan sahaja membebankan negara, malah gagal memberi manfaat sebenar kepada rakyat.

Antaranya keputusan menaikkan subsidi ayam dan telur yang dibuat selepas kajian mendalam bagi mengelakkan ketirisan sehingga RM1.2 bilion setahun, dengan penjaminan disalurkan kepada program lebih bersasar.

Ketika memegang jawatan menteri, Mohamad berkata beliau berusaha turun padang hampir setiap minggu bagi memahami realiti kehidupan petani.

Antara kisah yang memberi kesan ialah pesawah di Selangor yang kembali yakin terhadap masa depan pertanian selepas kenaikan harga lantai dan Subsidi Harga Padi, selain usahawan nas muda yang berjaya menembusi pasaran eksport dalam tempoh singkat.

"Paling menyentuh hati apa-



Mohamad pada program Podcast Utama Buletin TV3 di Balai Berita, Kuala Lumpur. (Foto: Hainul Anuar Rahim/BH)

bila nelayan berkata mereka bukan mahu kaya, sebaliknya mahu hidup selesa. Itu menyedarkan saya betapa pentingnya sektor makanan ini diurus secara stabil dan adil," katanya.

Dalam menghadapi masa depan, Mohamad menegaskan pertanian moden tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada tenaga manusia dan kaedah lama.

Teknologi kini menjadi keperluan asas, seperti dibuktikan model Sekinchan yang meningkatkan hasil padi daripada tujuh tan kepada 10 tan sehektar melalui pengurusan ladang berasaskan data.

Beliau turut menekankan, re-

formasi institusi melalui penubuhan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) bagi memastikan integriti, tatakelola dan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Mengakhiri pandangan, Mohamad berharap Malaysia mampu mengurangkan kebergantungan kepada import makanan asas serta membina sektor pertanian yang moden, stabil dan menguntungkan petani.

"Ini bukan tugas satu Kementerian sahaja, tetapi usaha seluruh negara. Jika kita bergerak bersama, saya yakin masa depan pertanian Malaysia sangat cerah," katanya.

Keeping fish supply afloat

10,330 vessels get diesel subsidies as of October



A TOTAL of 10,330 fishing vessels received diesel subsidies up to October this year under the Diesel and Petrol Subsidy Scheme for Fishermen, which has been continued by the government to ensure the sustainability of the sector and the stability of the nation's fish supply.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*) said that this year, a subsidised diesel quota of 70 million litres per month was approved at RM1.65 per litre, with total subsidised diesel distributed reaching 532.75 million litres, amounting to RM669mil in subsidies.

"For Sabah, 1,455 vessel owners

received diesel subsidies totalling 86.6 million litres, valued at RM116.5mil in 2025. In 2026, an allocation of 10 million litres per month will be provided to benefit the same group of fishermen," he told the Dewan Negara yesterday, Bernama reported.

He was replying to a question from Senator Datuk Bobbey Suan.

Mohamad said the total allocation and quota would be maintained next year, with subsidy implementation based on quotas, set fuel consumption rates and verified actual usage by fishermen, as confirmed by the Fisheries Development Authority.

To prevent leakages, he said the ministry is strengthening control

mechanisms, including a gradual transition to mobile applications such as facial recognition to verify subsidy recipients, as well as improving existing methods in areas with limited internet access.

Meanwhile, Mohamad said the government does not designate any state or specific area as a specialised food producer, instead adopts a flexible approach based on weather conditions, terrain and the capacity of local agricultural operators.

"So far, we have not designated specific states or areas to produce particular food items," he said when replying to a question from Senator Rita Sarimah Patrick Insol.

18/12/2025

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

6

Projek rintis padi lima musim perkukuh keterjaminan makanan negara

KUALA LUMPUR: Kerajaan melaksanakan projek rintis penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun bagi memperkukuh keterjaminan bekalan makanan negara serta menangani risiko perubahan iklim.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, projek yang bermula secara peringkat sejak tahun lalu itu melibatkan kawasan seluas 3,000 hektar di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Katanya, kerajaan juga memperkasa Pelan Pembangunan Baka dan Benih Akuakultur bagi menghasilkan benih dan induk ternakan yang berdaya tahan terhadap perubahan

60 peratus," katanya ketika sesi pertanyaan bagi jawapan lisan di Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Sivaraj Chandran berhubung usaha memperkukuh dasar makanan negara bagi menghadapi gangguan global seperti perubahan iklim dan gangguan rantai bekalan.

Mohamad Sabu berkata, pelaksanaan inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dipergiatkan bagi membangunkan varieti padi berdaya tahan kepada cuaca ekstrem serta penerapan teknologi pertanian pintar iklim dan Sistem Amaran Awal Iklim.

Katanya, kerajaan juga men-

perkukuh dana Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) bagi meringankan beban pesawah yang mengalami kerugian hasil akibat bencana alam, penyakit tanaman atau perosak.

"Lebih ramai petani digalakkan menyertai Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) yang menyediakan pampasan sehingga RM3,000 per hektar bagi kerosakan tanaman kepada pengusaha padi kecil yang terjejas akibat bencana.

"Kementerian yakin strategi dan inisiatif yang sedang dilaksanakan ini dapat memperkukuh keterjaminan bekalan makanan negara serta mengurangkan kebergantungan import sektor agromakanan," katanya.

Lebih ramai petani digalakkan menyertai Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) yang menyediakan pampasan sehingga RM3,000 per hektar bagi kerosakan tanaman kepada pengusaha padi kecil yang terjejas akibat bencana."

iklim melalui Program Nucleus Breeding Centre (NBC) dan Broodstock Multiplier Centre (BMC).

"Selain itu, industri lembu pedaging turut diperkukuh untuk tujuan biak baka menerusi

Program Peningkatan Ruminan dan Program Pembiakbakaan Ternakan Ruminan, termasuk Program Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Lembu Pedaging bagi mencapai purata kadar kelahiran nasional

Nelayan asing ceroboh perairan antara faktor kenaikan harga ikan

Jabatan Perikanan laksana pelan pemodenan armada termasuk ganti bot usang, perkukuh sistem pemantauan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan kos operasi, perubahan cuaca yang menjejaskan aktiviti penangkapan serta kegiatan penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal (IUU), termasuk pencerobohan nelayan asing, dikenal pasti antara faktor utama kenaikan harga ikan di pasaran tempatan.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain, berkata antara kesalahan utama yang dikesan ialah pencerobohan zon tangkapan, penggunaan anak kapal asing tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan serta pelanggaran syarat lesen, termasuk kesalahan bukan usaha sendiri oleh pemilik kapal tempatan.

Beliau berkata, situasi itu turut diburukkan dengan penurunan bilangan nelayan daripada 112,344 orang pada 2023 kepada

105,287 orang pada 2024, selain pengurangan jumlah kapal daripada 49,173 kapal pada 2023 kepada 43,012 kapal pada 2024.

"Trend ini didorong beberapa faktor utama termasuk peralihan generasi dan kekurangan tenaga kerja muda, penguatkuasaan dasar kawalan kapasiti penangkapan ikan bagi mengelakkan eksploitasi berlebihan sumber marin serta peningkatan penggunaan teknologi moden yang menjadikan sebahagian bot kecil tidak lagi ekonomik untuk beroperasi.

"Selain itu, terdapat peralihan tenaga kerja ke sektor akuakultur dan perikanan rekreasi yang lebih stabil, di samping tekanan kos operasi yang meningkat dan penyusutan hasil tangkapan di beberapa zon.

"Justeru, bagi menangani isu harga dan keterjaminan bekalan, Jabatan Perikanan (DOF) sedang melaksanakan pelan pemodenan armada perikanan termasuk penggantian bot usang, penggunaan teknologi cekap bahan api serta pengukuhan sistem pemantauan melalui *Vessel Monitoring System* (VMS) dan *Automatic Identification System* (AIS)," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan khas BH mengenai kenaikan harga ikan di negara ini, bukan berlaku disebabkan musim tengkujuh atau kekurangan hasil tangkapan ne-

Manipulasi bekalan punca harga ikan melambung

Keratan akhbar BH Selasa lalu.

layan semata-mata, tetapi turut berpunca daripada manipulasi pasaran oleh sebahagian pemborong.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, dilaporkan berkata nelayan tetap ke laut mengikut keadaan cuaca, namun pemborong menyimpan bekalan yang banyak sebelum mengeluarkannya ketika stok kurang, menjadi antara punca utama harga melambung.

Adnan berkata, pihaknya juga sedang melaksanakan operasi

bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) bagi membanteras pencerobohan nelayan asing di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia, di samping memperkukuh sektor akuakultur sebagai langkah jangka panjang menstabilkan harga ikan.

Kutipan kompaun RM6.04j

Dalam pada itu, Adnan berkata, sebanyak RM6.04 juta dikutip melalui kompaun dan hasil lelongan sitaan sepanjang tempoh 2020 hingga Oktober 2025.

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM4.88 juta adalah kompaun, manakala RM1.16 juta diperoleh daripada hasil lelongan.

"DOF merekodkan kompaun tertinggi RM2.02 juta, diikuti PDRM (RM1.94 juta) dan Maritim Malaysia (RM915,500) yang mencerminkan keberkesanan kerja-

sama rentas agensi dalam memperkukuh pematuan undang-undang perikanan," katanya.

Beliau berkata, dari segi tindakan langsung bawah Akta Perikanan 1985, sebanyak 670 kes tangkapan direkodkan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2025 dengan Perak mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 167 kes, diikuti Kedah dan Perlis masing-masing dengan 98 kes.

"Pahang pula mencatatkan 73 kes, Terengganu (66 kes) dan Johor (39 kes), menggambarkan intensiti pemantauan lapangan serta ketegasan DOF dalam membanteras pencerobohan zon, penggunaan alat tangkapan tidak sah dan kesalahan lain.

"Setakat Oktober lalu, 3,004 pemeriksaan kapal di laut dijalankan, manakala 14,801 pemeriksaan di darat dilakukan di jeti dan pusat pendaratan ikan bagi memastikan semua aktiviti pendaratan hasil perikanan mematuhi undang-undang," katanya.

Dari segi penguatkuasaan pula, beliau berkata, Perak mencatatkan jumlah kes tertinggi pada 2023 dan 2024, manakala Kedah merekodkan kes tertinggi setakat Jun 2025.

"Bagi aduan pula, 609 laporan pelanggaran Akta 317 diterima bagi tempoh sama dengan Putrajaya, Kampung Acheh dan Port Klang antara pangkalan mencatatkan aduan tertinggi," katanya.

Selain itu, terdapat peralihan tenaga kerja ke sektor akuakultur dan perikanan rekreasi yang lebih stabil, di samping tekanan kos operasi yang meningkat dan penyusutan hasil tangkapan di beberapa zon.

Adnan Hussain,
Ketua Pengarah, Perikanan



TARIKH	MEKLA	RUANGSAR	MUKA SURAT
18/12/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

KPDN akui berlaku kenaikan sehingga 30 peratus

Tumpat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengakui berlaku kenaikan harga ikan sehingga 30 peratus di pasaran berikutan permintaan tinggi ketika musim tengkujuh.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Fuziah Salleh, berkata situasi itu bukan berlaku secara meluas sebaliknya membabitkan lokasi tertentu.

"Peningkatan harga ikan dikesan tidak melebihi 30 peratus dan kenaikan itu disebabkan permintaan tinggi pada musim tengkujuh.

"Namun, jika ada mana-mana pihak termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mempunyai maklumat berlaku manipulasi bekalan oleh pemborong serta peniaga, kita sarankan mereka tampil membuat laporan untuk siasatan lanjut.

"Setakat ini kita belum menerima sebarang aduan sebaliknya ia dilaporkan oleh pihak me-

dia," katanya pada sidang media selepas mengadakan Walkabout Program Jualan Rahmah (PJR) Monsun, di sini, semalam.

Sementara itu, Persatuan Nelayan Terengganu memberi jaminan bekalan ikan di negeri ini mencukupi sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka berakhir Mac tahun depan.

Pengerusinya, Mat Yassin Mohamed, berkata buat masa ini lebih 30 tan ikan disimpan di tiga stok penimbai di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuala Besut, Chendering dan Kuala Dungun.

Katanya, ikan sejuk beku sedia untuk dipasarkan bagi memenuhi permintaan pengguna selain menstabilkan harga pada musim MTL ini.

"Terdapat pelbagai jenis dan saiz ikan (sejuk beku) dijual dengan harga berpatutan untuk tidak membebankan pengguna," katanya ketika dihubungi.



Fuziah beramah mesra bersama pengunjung pada Walkabout Program Jualan Rahmah Monsun di Tumpat, semalam. (Foto BERNAMA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2025	HARIAN METRO	LOKAL	10

Bekalan ikan cukup sepanjang MTL

Kuala Terengganu: Per-satuan Nelayan Terengganu memberi jaminan bekalan ikan di negeri ini mencukupi sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka berakhir pada Mac tahun depan.

Pengerusinya, Mat Yassim Mohamed, berkata buat masa ini terdapat sebanyak lebih 30 tan metrik ikan disimpan di tiga stok penimbal di negeri ini iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Besut, Chendering dan Kuala Dungun.

Katanya, ikan sejuk beku sedia untuk dipasarkan bagi memenuhi permintaan pengguna selain menstabilkan harga pada musim MTL ini.



Terdapat pelbagai jenis dan saiz ikan (sejuk beku) yang dijual dengan harga berpatutan bagi tidak membebankan pengguna berpendapatan rendah

Mat Yassim

“Terdapat pelbagai jenis dan saiz ikan (sejuk beku) yang dijual dengan harga berpatutan bagi tidak membebankan pengguna berpendapatan rendah.

“Sebahagian bekalan

ikan juga dijual di tapak Jualan Rahmah di negeri ini sejak dua bulan lalu.

“Kontraktor atau yang terbabit menyediakan makanan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) juga boleh mendapatkan secara terus bekalan ikan sejuk beku di stok penimbal dengan harga borong,” katanya ketika dihubungi.

Mat Yassim berkata, selain ikan sejuk beku, bekalan ikan segar juga masih boleh didapati di pasar utama di seluruh negeri ini, namun tawaran harga sedikit tinggi berbanding jualan hari biasa.

“Kalau berlaku kenaikan pun hanya satu atau dua ringgit sahaja bagi setiap kilo bergantung pada saiz dan jenis ikan dan sudah

kebiasaan berlaku pada musim tengkujuh setiap tahun.

“Sebagai contoh harga ikan selang sekarang antara RM10 hingga RM15 sekilo bergantung pada saiz dan jenis. Kenaikan ini disebabkan bekalan ikan selang kurang dan permintaan pula tinggi berbanding ikan jenis lain,” katanya.

Beliau berkata, harga ikan segar dijangka naik pada akhir bulan ini atau Januari depan berikutan keadaan cuaca ketika itu dijangka kembali buruk dan ombak bergelora menyebabkan nelayan tidak dapat ke laut dalam tempoh yang lama sekaligus memberi kesan terhadap bekalan ikan segar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

Harga ikan alami kenaikan

Tumpat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengakui berlaku kenaikan harga ikan sehingga 30 peratus di pasaran.

Timbalan Menteri Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, ia berikutan permintaan tinggi sempena musim tengkujuh terhadap bekalan terbabit pada bulan ini.

"Hasil pemantauan kita memang terdapat peningkatan harga ikan di pasaran namun bukan berlaku secara meluas sebaliknya membabitkan lokasi tertentu.

"Peningkatan harga ikan dikesan tidak melebihi 30 peratus dan kenaikan itu

disebabkan permintaan tinggi pada musim tengkujuh.

"Namun jika ada mana-mana pihak termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mempunyai maklumat berlaku manipulasi bekalan oleh pemborong serta peniaga, kita sarankan minta mereka tampil membuat laporan untuk membolehkan siasatan lanjut.

"Setakat ini kita belum menerima sebarang aduan sebaliknya ia dilaporkan oleh pihak media," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan Walkabout Program Jualan Rahmah (PJR) Monsun, di sini, se-

malam.

Media sebelum ini melaporkan, kenaikan harga ikan di negara ini, bukan berlaku disebabkan musim tengkujuh atau kekurangan hasil tangkapan nelayan semata-mata, tetapi turut berpunca daripada manipulasi pasaran oleh sebahagian pemborong.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil dilaporkan berkata, nelayan tetap turun ke laut mengikut keadaan cuaca namun pemborong bertindak menyimpan bekalan yang banyak sebelum mengeluarkannya ketika stok kurang, menjadi antara punca utama harga melambung.

Harga sayur melonjak: Kerajaan gagal jamin keterjaminan makanan

KUALA LUMPUR: Kenaikan harga sayuran yang melambung sehingga tiga kali ganda ketika ini mencerminkan kegagalan kerajaan menyediakan kesiapsiagaan menghadapi krisis, walaupun fenomena cuaca monsun bukan perkara baharu.

Penganalisis politik, Roslan Shahir Mohd Shahir berkata demikian dengan merujuk laporan akhbar yang memetik kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah.

Saravanan dilaporkan berkata, kenaikan harga sayuran bukan hanya disebabkan cuaca hujan berterusan, sebaliknya mencerminkan kelemahan kerajaan yang kurang bersedia setiap kali krisis berulang.

Menurut Roslan, fenomena tersebut berlaku hampir setiap tahun namun isu sama terus berulang tanpa penyelesaian tuntas.

Sehubungan itu, beliau mempersoalkan kemampuan kerajaan dalam menjamin keterjaminan makanan negara apabila harga beberapa jenis sayuran meningkat secara



Roslan Shahir Mohd Shahir

mendadak.

"Harga timun di pasaran pada 13 November dari RM9 ke RM10 sekilogram, hari ini RM14 ke RM15. Kacang panjang RM3 ke RM4, hari ini RM8 ke RM9 sekilogram. Cili merah RM7 ke RM8, hari ini RM14 ke RM15 sekilogram," ujarnya menerusi media sosial miliknya.

Beliau turut menegaskan, kewujudan Kementerian Keterjaminan Makanan tidak memberi makna sekiranya rakyat terus berdepan tekanan kos sara hidup.

"Kita ada Kementerian Keterjaminan Makanan, tapi terjaminakah? Gagal?" katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2025	NEW STRAITS TIMES	NATION	7

VIRAL VIDEOS, PHOTOS

Police probing animal deaths at abandoned veterinary clinic

PETALING JAYA: Police are investigating reports lodged by netizens over the deaths of animals in an abandoned veterinary clinic in Damansara Damai, Selangor after photos and videos emerged of a dead dog and a cat.

District police chief Assistant Commissioner Shamsudin Matamat confirmed that several reports had been lodged.

Netizens were shocked and outraged after photos and videos emerged showing a dead dog and a cat at an allegedly abandoned veterinary clinic in Damansara Damai.

The post by animal activist Shima Aris on Instagram showed the clinic in disarray, with equipment left untouched, cages and rubbish piled haphazardly and animal faeces scattered across rooms as animal rescuers searched the premises.

The dead animals were found decomposing, with their heads protruding between bent cage bars.

One traumatised cat, seen meowing and visibly unkempt in one of the videos, was rescued.

She said two veterinarians accompanying the rescuers confirmed that the animals had been dead for between seven and 10 days.

Animal welfare organisations Stray Free Foundation and Stray Animal Association of Malaysia (SAFM) called for investigations by the police and the Veterinary

Services Department.

SAFM said it was "horrified" by the discovery of the dead dog and cat in the premises.

"This neglect is a violation of the legal and moral responsibilities owed to the animals under their care."

Under Section 29 of the Animal Welfare Act, those found guilty of abusing animals can be fined up to RM100,000, or imprisoned up to three years, or both.

The *New Straits Times* spoke to neighbours of the clinic and learnt that the place was shuttered several months ago. The clinic is located on the ground floor of a five-storey block.

One neighbour, who lived in a unit directly above the clinic, complained of a stench emanating from the place.

The neighbour, who declined to be named, said she met the veterinarian previously and described her as a middle-aged woman.

She said the clinic would be open for business several days a week before it was shuttered several months ago.

The neighbour described the smell as being strong and almost unbearable when the shutters were opened by an employee who used to visit the premises once in a while.

When asked why she did not complain, she said she didn't want to seem nosy and cause trouble.

'Harga ikan naik 30% tidak meluas'

- **Berpunca musim tengkujuh yang melanda ketika ini**
- **Hanya dikesan di beberapa lokasi tertentu**

Oleh **ROHANA MOHD. NAWI**

TUMPAT - Permintaan tinggi terhadap bekalan ikan semasa musim tengkujuh menjadi antara faktor yang menyebabkan harga bahan mentah laut itu meningkat sehingga 30 peratus.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr. Fuziah Salleh berkata, pemantauan yang dijalankan pihaknya pada bulan ini mendapati berlaku kenaikan harga ikan di pasaran, namun peningkatan itu tidak berlaku secara meluas.

Menurutnya, buat masa ini, tidak semua peniaga dikesan menaikkan harga ikan sebaliknya ia melibatkan lokasi tertentu sahaja.

"Berdasarkan pemantauan



FUZIAH (dua dari kiri) menyampalkan Sumbangan Rahmah kepada penerima ketika Walkabout PJRM Monsun di Kampung Neting, Tumpat semalam. - KAMARUL BISHI KAMARUZAMAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), memang terdapat peningkatan harga ikan di pasaran, tetapi ia tidak meluas.

"Setakat ini, peningkatan har-

ga ikan tidak melebihi 30 peratus dan kenaikan itu disebabkan permintaan tinggi pada musim tengkujuh," katanya ketika pada sidang akhbar selepas Walkabout Program Jualan Rahmah Madani

(PJRM) Monsun di Kampung Neting, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Fuziah memberitahu, pihak tertentu termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang mempunyai

maklumat mengenai manipulasi bekalan pemborong dan peniaga ikan disarankan untuk tampil membuat laporan kepada KPDN. "Setakat ini, KPDN belum menerima sebarang aduan mengenai peningkatan harga ikan dan kita hanya terima melalui laporan pihak media," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, kenaikan harga ikan di negara ini bukan berlaku disebabkan musim tengkujuh atau kekurangan hasil tangkapan nelayan semata-mata, tetapi turut berpunca daripada manipulasi pasaran oleh sebahagian pemborong.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil dilaporkan berkata, nelayan tetap ke laut mengikut keadaan cuaca, namun pemborong menyimpan bekalan yang banyak sebelum mengeluarkannya ketika stok kurang menjadi antara punca utama harga makanan mentah itu melambung.

Katanya, pemborong dika-takan membeli bekalan ikan sebelum musim tengkujuh dan mengeluarkannya ketika bekalan pasaran kurang untuk mengambil kesempatan bagi menaikkan harga.

Tahap Sara Diri beras merosot isyarat berbahaya



Profesor Madya di Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Ahmad Zubir Ibrahim
bhrencana@bh.com.my

Tahap Sara Diri (SSL) beras negara dilaporkan berada di bawah 60 peratus, sekali gus menjadi petunjuk membimbangkan dan tidak boleh dipandang ringan.

Kenyataan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, bahawa kedudukan ini 'tidak berapa baik dan perlu ditangani segera' wajar dijadikan isyarat jelas sektor makanan ruji negara sedang berdepan cabaran struktur serius.

Beras bukan sekadar komoditi ekonomi, malah makanan asas majoriti rakyat di negara ini dan elemen strategik dalam keselamatan negara.

Kemerosotan SSL beras berpunca daripada gabungan beberapa faktor utama. Antaranya, penyusutan kawasan sawah akibat penukaran guna tanah kepada projek perumahan dan perusahaan, perubahan iklim semakin ketara seperti banjir dan cuaca tidak menentu serta cabaran pasaran yang menyaksikan sambutan terhadap Beras Putih Tempatan (BPT) kekal rendah.

Kesemua faktor ini saling berkait dan jika tidak ditangani secara menyeluruh, berisiko menjerumuskan negara kepada tahap kebergantungan import lebih tinggi.

Penukaran kawasan sawah kepada pembangunan bukan pertanian antara punca paling kritikal. Dalam konteks urbanisasi pesat dan peningkatan nilai hartanah, tanah sawah sering dianggap tidak ekonomik berbanding pembangunan perumahan atau komersial.

Akibatnya, kawasan pengeluaran padi semakin mengecil, khususnya di luar jelang utama. Trend ini menjejaskan kapasiti pengeluaran domestik dalam jangka panjang dan melemahkan asas keterjaminan makanan negara.

Lebih membimbangkan, proses ini sering berlaku tanpa perancangan guna tanah yang mengambil kira kepentingan keselamatan makanan nasional.

Pada masa sama, perubahan iklim menambah tekanan terhadap sektor padi.

Banjir luar jangka, hujan lebat berpanjangan serta musim kering tidak menentu menjejaskan kitaran tanaman, merosakkan infrastruktur pengairan dan meningkatkan risiko kegagalan tuaian.

Pesawah kecil khususnya terdedah kepada kerugian pendapatan, sekali gus mengurangkan minat generasi muda untuk kekal dalam sektor pertanian padi. Tanpa pelaburan serius dalam adaptasi iklim dan teknologi pertanian pintar, pengeluaran padi tempatan akan terus terdedah kepada ketidakpastian alam sekitar.

Dalam usaha meningkatkan pengeluaran beras tempatan, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut menjelaskan permintaan terhadap BPT masih rendah hanya sekitar 10 hingga 15 peratus sahaja.

Realiti ini menunjukkan masalah SSL bukan semata-mata isu pengeluaran, bahkan membabitkan tingkah laku pengguna dan struktur pasaran. Penurunan harga beras import menyebabkan pengguna memilih beras lebih murah, walaupun beras tempatan menawarkan jaminan kualiti dan menyokong pendapatan pesawah tempatan.

Keadaan ini menimbulkan dilema dasar antara menjaga kebajikan pengguna dengan memastikan kelangsungan pengeluaran domestik.

Sekiranya SSL beras terus merosot, implikasi terhadap negara adalah besar dan berlapis. Dari sudut ekonomi, kebergantungan tinggi kepada import mendedahkan Malaysia kepada risiko turun naik harga global, gangguan rantaian bekalan serta ketidakpastian geopolitik.

Krisis makanan global, sekatan eksport negara pengeluar atau konflik antarabangsa boleh menyebabkan bekalan beras terganggu dan harga melonjak mendadak. Dalam keadaan ini, golongan berpendapatan rendah akan paling terkesan.

Intervensi dasar menyeluruh, bersepadu

Dari sudut sosial pula, kemerosotan SSL boleh meningkatkan ketidakamarataan dan tekanan kos sara hidup, terutama di bandar dan luar bandar miskin. Beras sebagai makanan ruji murah dan mudah diakses berfungsi sebagai 'penampungan sosial'. Apabila harga meningkat atau bekalan terhad, kestabilan sosial turut terancam.

Dalam jangka panjang, kegagalan menjaga bekalan makanan asas boleh menjejaskan

keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan mengurus keperluan asas negara.

Oleh itu, intervensi dasar menyeluruh dan bersepadu amat diperlukan. Pertama, perlindungan kawasan sawah strategik mesti diperkukuh melalui undang-undang guna tanah lebih tegas.

Kawasan jelang padi dan sawah produktif perlu diwartakan sebagai zon keselamatan makanan yang tidak mudah ditukar guna. Insentif fiskal dan pampasan munasabah boleh diberikan kepada pemilik tanah bagi memastikan aktiviti pertanian kekal berdaya maju.

Kedua, pelaburan dalam adaptasi perubahan iklim perlu dipercepat termasuk menaik taraf sistem pengairan dan saliran, penggunaan varieti padi tahan banjir dan kemarau serta penerapan teknologi pertanian pintar seperti ramalan cuaca berasaskan data dan mekanisasi moden.

Sokongan kewangan dan latihan kepada pesawah kecil amat penting bagi meningkatkan daya tahan mereka terhadap risiko iklim.

Ketiga, isu permintaan terhadap BPT perlu ditangani melalui pendekatan pasaran dan kesadaran pengguna. Kempen nasional konsisten boleh dilaksanakan bagi meningkatkan keyakinan terhadap kualiti BPT, termasuk pelabelan yang jelas, jaminan kualiti dan strategi penjenamaan lebih kompetitif. Pada masa sama, mekanisme harga yang lebih seimbang perlu dirangka supaya beras tempatan kekal mampu milik tanpa menekan pendapatan pesawah.

Selain itu, pembangunan kawasan luar jelang wajar dijadikan alternatif strategik dalam usaha meningkatkan SSL. Selama ini, tumpuan pengeluaran padi banyak bergantung kepada jelang utama seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Walaupun kawasan ini penting, kebergantungan berlebihan meningkatkan risiko sistemik apabila berlaku bencana atau gangguan. Pembangunan sawah padi berskala sederhana di luar jelang, khususnya boleh mempelbagaikan sumber pengeluaran dan meningkatkan daya tahan nasional.

Pembangunan luar jelang perlu disokong dengan infrastruktur asas, akses pembiayaan, pemindahan teknologi serta pembabitkan koperasi dan sektor swasta. Pendekatan kluster pertanian dan integrasi rantaian nilai boleh membantu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran.

Di samping itu, inisiatif ini berpotensi merancaikan ekonomi luar bandar, mengurangkan jurang wilayah dan menarik penyertaan belia dalam sektor pertanian moden.

Kemerosotan SSL beras di bawah 60 peratus bukan sekadar isu pertanian, tetapi cabaran strategik menyentuh keselamatan makanan, kestabilan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara.

Tindakan segera, berani dan berasaskan bukti amat diperlukan bagi membalikkan semula trend ini. Melalui perlindungan tanah pertanian, adaptasi perubahan iklim, pembaharuan pasaran beras serta pembangunan kawasan luar jelang, Malaysia masih berpeluang memperkukuh SSL beras dan memastikan keterjaminan makanan untuk generasi kini dan akan datang.

Jika langkah ini dilaksanakan secara konsisten dan bersepadu, Malaysia bukan sahaja mampu meningkatkan SSL beras, malah membina sistem makanan lebih berdaya tahan, inklusif dan lestari. Kegagalan bertindak sekarang hanya akan mewariskan risiko lebih besar kepada generasi akan datang.

